

**FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA GEJALA
PONTENG DI KALANGAN PELAJAR DI SK KESANG TUA :
SATU TINJAUAN**

KHALID BIN HJ. MOHD

**Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Bimbingan dan Kaunseling)**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

30 JUN 2013

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Bersyukur saya kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, kajian ini telah dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Penulis ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Penyelia tesis, Dr. Faizah Binti Abd Ghani di atas pandangan, bimbingan, suntikan semangat dan teguran beliau yang jujur dan ikhlas. Ucapan yang sama ditujukan kepada En. Rosli Bin Karim, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kesang Tua kerana memberikan kebenaran dan kerjasama kepada saya untuk menjalankan penyelidikan di sekolah tersebut. Begitu juga kepada Pn. Mariam Binti Mahmud, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, murid-murid yang terlibat sebagai responden serta seluruh warga Sekolah Kebangsaan Kesang Tua kerana memberikan kerjasama kepada saya sepanjang projek penyelidikan ini berlangsung.

Dalam masa yang sama penghargaan yang tidak terhingga kepada isteri tersayang Zaleha binti Hj. Mohamad dan anak-anak yang dikasihi. Jadilah orang yang dahagakan ilmu pengetahuan kerana Allah akan meningkatkan martabat seseorang menerusi ilmu dan amalan. Seterusnya, rakan-rakan dan sesiapa sahaja yang telah memberikan pertolongan baik secara langsung atau tidak langsung kepada saya dalam usaha menyiapkan penulisan ini.

Akhir kata, segala bentuk kerjasama dan pertolongan yang diberikan itu hanya Allah sahaja yang akan membalasnya kelak .

DEDIKASI

Buat Isteri Tercinta

Zaleha Binti Hj. Mohamad

Terima kasih atas sokongan dan kata-kata perangsangmu,

Semoga perjuangan ini menyemarakkan lagi

Mahligai yang dibina demi keredhaan Ilahi

Buat anak-anak tersayang,

Amin Khalili, Amzar Khalili, Amir Azhar Khalili, Ahmad Khalil Khalili,

Lina Khalidah, Liyana Khalidah dan Lieya Khalidah

Kamu semua adalah penerus perjuangan ayah,

Jadikan ini sebagai satu perangsang untuk kalian

Buat pensyarah-pensyarah yang dihormati,

Jasa Kalian akan tersemai di dalam jiwa ini,

Ilmu yang dicurahkan menjadi petunjuk jalan

Hanya Allah yang mampu membalasnya

Buat teman-teman seperjuangan

Selamat menempuh cabaran mendatang

Ilmu hanya akan berguna apabila ianya dimanfaatkan

Semoga keredhaan Ilahi bersama kita selamanya....Amin

ABSTRAK

Ponteng sekolah merupakan salah satu masalah disiplin yang semakin ketara. Kajian ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Kesang Tua yang terletak di daerah Jasin, Melaka. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang paling dominan di antara lima faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar terlibat dengan gejala ponteng sekolah. Faktor-faktor terdiri daripada faktor sikap murid, faktor suasana sekolah, faktor guru, faktor rakan sebaya dan faktor keluarga. Seramai 30 orang pelajar Tahun empat, lima dan enam di sekolah berkenaan yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan rekabentuk jenis perbandingan sebab dan akibat (*ex-post facto*). Soal selidik yang diguna pakai adalah soal selidik yang dibina oleh Azizi Yahya (2007) yang mempunyai nilai kebolehpercayaan dengan nilai alpha cronbach 0.8766. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian '*Statistical Packages for the Social Science*' (SPSS) versi 16 dan diterangkan dalam bentuk peratusan, kekerapan dan min serta sisihan piawai. Selain itu analisis inferensi iaitu Ujian t dan Anova diguna pakai bagi mengenal pasti perbezaan antara faktor-faktor ponteng dengan jantina dan pekerjaan ibubapa. Dapatan kajian menunjukkan faktor suasana sekolah adalah faktor tertinggi dengan nilai min (26.63) diikuti dengan faktor guru (20.80), sikap pelajar (17.47), rakan sebaya (15.30) dan faktor keluarga (13.03). Selain itu terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah dengan jantina.

ABSTRACT

Truancy is one of the more significant discipline problems. The study was conducted at the Sekolah Kebangsaan Kesang Tua located in Jasin, Malacca. This study aims to identify the most dominant factor among the five factors that contributed to the students involved in the truancy problem. These factors consist of student attitudes, school climate factors, teachers, peer group and family factors. A total of 30 students from Years four, five and six of the schools involved in this study. This study uses quantitative design of causal comparative (ex post facto). The questionnaire used was a questionnaire which was built by John Azizi (2007) that had the reliability with Cronbach alpha value of 0.8766. Data were analyzed by using the tatistical Packages for the Social Sciences' (SPSS) version 16 and described in terms of percentages, frequencies and mean and standard deviation. Additionally inferential analysis using the t test and ANOVA used to identify differences between the factors of gender and job absenteeism with parents. The finding shows that the school environment is a factor with the highest mean value (26.63), followed by the teacher (20.80), attitude (17.47), peer group (15.30) and family factors (13.03). In addition there are significant differences between the school environment and gender factors.

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Min Bagi Setiap Jenis Ponteng	18
3.1	Kod Bagi Butiran Diri Responden	30
3.2	Bilangan Taburan Item Bagi Setiap Bahagian	31
3.3	Taburan Item Positif dan Negatif Lima Faktor Penyumbang Ponteng	32
3.4	Pengkelasan Skala Lima Mata	33
3.5	Nilai Min Mengikut Tahap	35
3.6	Klafikasi Kekuatan Korelasi	36
4.1	Taburan Bilangan Peratusan Responden Mengikut Jantina	38
4.2	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	38
4.3	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahun dan Darjah	39
4.4	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tempat Tinggal	40

4.5	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Pekerjaan Iubapa	41
4.6	Analisis Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Sikap Murid	42
4.7	Analisis Faktor Ponteng Dari Aspek Suasana Sekolah	44
4.8	Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Guru	47
4.9	Analisis Faktor Ponteng Dari Dari Aspek Faktor Rakan Sebaya	49
4.10	Analisis Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Keluarga	51
4.11	Analisis Faktor Dominan Salah Laku Ponteng	52
4.12	Analisis Hubungan Antara Faktor Sikap Murid Dengan Jantina	53
4.13	Analisis Hubungan Antara Faktor Suasana Sekolah Dengan Jantina	54

4.14	Analisis Hubungan Antara Faktor Guru Dengan Jantina	54
4.15	Analisis Hubungan Antara Faktor Rakan Sebaya Dengan Jantina	55
4.16	Analisis Hubungan Antara Faktor Keluarga Dengan Jantina	56
4.17	Analisis Hubungan Antara Faktor Sikap Murid Dengan Pekerjaan Ibubapa	56
4.18	Analisis Hubungan Faktor Suasana Sekolah Dengan Pekerjaan Ibubapa	57
4.19	Analisis Hubungan Antara Faktor Guru Dengan Pekerjaan Ibubapa	58
4.20	Analisis Hubungan Antara Faktor Rakan Sebaya Dengan Pekerjaan Ibubapa	58
4.21	Analisis Hubungan Antara Faktor Keluarga Dengan Pekerjaan Ibubapa	59

SENARAI RAJAH

2.1	Piramid Keperluan Maslow	13
-----	--------------------------	----

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	i
	PENGAKUAN PENYELIA	ii
	JUDUL TESIS	iii
	PENGAKUAN PENULIS	iv
	PENGHARGAAN	v
	DEDIKASI	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	SENARAI JADUAL	ix
	SENARAI RAJAH	xi
	KANDUNGAN	xi
	SENARAI SIMBOL	
	SENARAI LAMPIRAN	
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	1.6	Kepentingan Kajian 8
	1.6.1	Unit Bimbingan dan Kaunseling 8
	1.6.2	Sekolah Kebangsaan Kesang Tua 8
	1.6.3	Pejabat Pelajaran Daerah 9
	1.6.4	Jabatan Pelajaran Negeri 9
	1.6.5	Kementerian Pelajaran Malaysia 9
	1.7	Skop dan Batasan Kajian 10
	1.8	Definisi Konsep dan Operational 10
	1.9.1	Ponteng 10
	1.9	Kesimpulan 10
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
	2.1	Pengenalan 12
	2.2	Kerangka Teoritikal 13
	2.2.1	Teori Keperluan Maslow 13
	2.2.2	Teori Perkembangan Piaget 14
	2.2.3	Teori Kepintaran Emosi 15
	2.2.4	Teori Pembelajaran Sosialis 16
	2.3	Kajian-Kajian Lepas 17
	2.3.1	Konsep Salah Laku Ponteng 17
	2.3.2	Faktor-Faktor Yang Mendorong Berlakunya Gejala Ponteng 18
	2.4	Kesimpulan 25

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	26
3.3	Tempat Kajian	28
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	28
3.5	Instrumen Kajian	29
	3.5.1 Soal Selidik Maklumat Peribadi Responden	30
	3.5.2 Soal Selidik Faktor Penyumbang Ponteng	31
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Intrumen Kajian	33
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	34
3.8	Penganalisan Data	34
	3.8.1 Analisis Statistik Deskriptif	35
	3.8.1 Analisis Statistik Inferensi(Kolerasi Pearson)	35
3.9	Kesimpulan	36
BAB 4	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	37
4.2	Analisis Deskriptif Latar Belakang Responden	38
	4.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	38
	4.2.2 Taburan Responden Mengikut Bangsa	38
	4.2.3 Taburan Responden Mengikut Tahun	39
	4.4.4 Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal	40

4.4.5	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Ibubapa	41
4.3	Analisis Dapatan Kajian	42
4.3.1	Analisis Persoalan Kajian 1	42
4.3.2	Analisis Persoalan Kajian 2	52
4.3.3	Analisis Persoalan Kajian 3	53
4.4	Kesimpulan	60
BAB 5	PERBINCANGAN	
5.1	Pengenalan	61
5.2	Perbincangan	61
5.2.1	Hasil Dapatan Maklumat Peribadi Responden	62
5.2.2	Hasil Dapatan Persoalan Kajian 1	63
5.2.3	Hasil Dapatan Persoalan Kajian 2	69
5.2.4	Hasil Dapatan Ujian t Mengenai Perbezaan Antara Faktor-Faktor Ponteng Dengan Jantina	71
5.2.5	Keputusan Analisis Ujian Anova Mengenai Mengenai Perbezaan Antara Faktor-Faktor Ponteng Dengan Pekerjaan Ibubapa	73
5.3	Rumusan dan Implikasi Kajian	76
5.4	Cadangan Tindakan Kajian	76
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	77
5.6	Kesimpulan	78
	Rujukan	79
	Lampiran	

SENARAI SIMBOL

Ha	-	Hipotesis Alternatif
Ho	-	Hipotesis Nol
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
P	-	Nilai Signifikan Dalam Ujian Korelasi
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
r	-	Pekali Kolerasi
SP	-	Ssishan Piawai
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
UPSr	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
%	-	Peratus

SENARAI LAMPIRAN

1. Borang Soal Selidik
2. Jadual Pengiraan Sampel

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Program-program yang melibatkan pembangunan sumber manusia dalam pendidikan dan latihan kemahiran di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia adalah bertujuan melahirkan tenaga kerja mahir serta separa mahir yang berkualiti. Program-program seperti ini dapat mengeluarkan warganegara berdisiplin, mempunyai nilai moral tinggi dan beretika kerja yang baik. Menurut Baharom dan Mohamad (2009), keterampilan sedemikian dapat memenuhi keperluan tenaga manusia yang kian meningkat lantas menjadi satu tanggungjawab yang perlu dipikul bersama. Akauntabiliti ini turut terserlah kepada warga pendidik terutama pengetua atau guru besar yang merupakan orang paling berpengaruh untuk memimpin amanah dalam melaksanakan aspirasi ini di sekolah.

Ini sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara yang telah dirumuskan pada tahun 1988 di mana menyatakan: *"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek,*

rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.“(Kementerian Pelajaran Malaysia, 1993).

Walau bagaimanapun aspirasi ini tidak dapat dicapai seandainya matlamat sistem pendidikan itu tidak sampai kepada golongan sasaran utama iaitu para pelajar. Ini terjadi kerana masalah yang seringkali timbul iaitu ketidakhadiran murid ke sekolah. Secara tidak langsung aspirasi negara untuk melahirkan modal insan yang terbilang mengalami kesukaran (Baharom dan Mohamad, 2009)

Ponteng sekolah merupakan perlakuan yang menyalahi peraturan sekolah dan jika pelajar dibiarkan ponteng sekolah sehingga menjadi amalan dan tabiat, ia boleh membawa kesan negatif terhadap diri pelajar itu sendiri, keluarganya dan juga sekolah. Seterusnya perlakuan tersebut memungkinkan seseorang pelajar hilang sifat tanggungjawab, akan ketinggalan dalam pelajaran dan yang paling dikhuatiri mereka akan melibatkan diri dengan kegiatan – kegiatan negatif (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.6/1995).

Ponteng didefinisikan sebagai lari daripada tanggungjawab atau tugas tanpa kebenaran (Kamus Dewan, 2005: 979). Menurut Ang (2005), ponteng sekolah ditakrifkan sebagai tidak hadir ke sekolah tanpa kebenaran daripada Guru Besar atau Pengetua. Laporan salah laku murid tahun tahun 2001-2003 untuk ”Sepuluh Salah laku Tertinggi Sekolah Rendah dan Menengah” menunjukkan bahawa salah laku ponteng sekolah menduduki tempat teratas.

Menurut Abdullah (2004), secara umum ponteng sekolah ialah tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah dan di luar pengetahuan ibu bapa atau penjaga. Walaupun begitu ada yang tidak hadir tetapi dalam pengetahuan ibu bapa.

Ponteng juga sering dikaitkan dengan isu yang menampilkan pelajar yang tidak berdisiplin dan bermoral rendah. Ponteng sekolah adalah sejenis penyakit lama

yang telah berakar umbi semenjak masyarakat kita mengenal alam persekolahan (Azizi Yahya et.al, 2009).

Menurut Rasidah bt Omar dalam Azizi Yahya et. al (2009) pula, ponteng sekolah boleh ditakrifkan sebagai ketidakhadiran pelajar ke sekolah dengan sengaja tanpa sebarang alasan yang munasabah. Masa yang sepatutnya diisikan dengan menimba ilmu pengetahuan di bangku sekolah sebaliknya dihabiskan dengan melakukan aktiviti yang tidak bermanfaat seperti melepak di kompleks membeli belah atau pusat rekreasi dan pusat hiburan.

Abdullah (2005:6) dalam bukunya "Mengurus Disiplin Pelajar" menyatakan mengikut perangkaan pada tahun 1994, seramai 138,358 pelajar atau 9.82% daripada 1,408,672 pelajar sekolah menengah di seluruh negara dikenal pasti terlibat dengan pelbagai salah laku jenayah dan tabiat buruk. Daripada jumlah itu sebanyak 5,636 kes melibatkan kes ponteng.

Selain itu, berdasarkan kajian Omardin Ashaari (1996:188), terdapat 4 faktor besar yang mendorong berlakunya gejala ini iaitu pelajar, sekolah, keluarga dan pengaruh alam persekitaran.

Kajian Tan Chiew Ling (2004) pula menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar ponteng ialah faktor individu dan keluarga, faktor persekolahan dan faktor persekitaran.

Dapatan kajian –kajian ini menunjukkan betapa pelajar-pelajar masa kini semakin tersasar dari landasan Falsafah Pendidikan Negara dan aspirasi Pembangunan Modal Insan yang terkandung dalam Bidang Keberhasilan Negara(NKRA) dalam bidang Pendidikan.

Lantaran itu, semua pihak perlu bekerjasama dalam membendung gejala ini daripada berterusan. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengenalpasti faktor yang dominan yang mendorong berlakunya gejala ponteng di kalangan pelajar. Setelah itu satu program penambahbaikan akan dirancang dan dilaksanakan bagi membantu pihak sekolah.

Bab ini akan menerangkan mengenai latar belakang kajian iaitu isu-isu semasa yang berkaitan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, dan batasan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah semakin hangat diperkatakan oleh semua pihak samada pihak ibu bapa, pihak guru, pihak masyarakat dan juga pihak yang berkuasa. Salah satu kemerosotan disiplin yang semakin menular pada masa sekarang ialah masalah ponteng. Laporan salah laku pelajar sekolah menunjukkan bahawa ponteng sekolah merupakan salah laku yang tertinggi peratusan penglibatan dikalangan pelajar (Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6 /1995). Menurut mantan Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Mahadzir Md. Khir dalam Azizi Yahya(2009), isu ponteng sekolah berada pada tahap yang kritikal dan dianggap sebagai langkah pertama remaja memasuki dunia penuh masalah seperti lepak, rokok, dadah, pecah rumah, arak dan yang paling menakutkan jenayah rogol dan bunuh.

Menurut mantan Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Noh Omar pula dalam Sharif dan Suria(2012), pelajar dari bandar menduduki senarai teratas pelajar paling ramai digantung dan dibuang sekolah. Antara faktor yang menyebabkan mereka mudah ponteng adalah kerana banyak tempat untuk mereka ponteng.

Menurut Kamaliah Nor (2007) berdasarkan kajiannya, gejala ponteng juga boleh menggagalkan sistem persekolahan dan memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran kerana pelajar tidak hadir ke sekolah dan tidak menyertai segala aktiviti yang dilakukan oleh rakan, guru dan pihak sekolah. Hal ini seterusnya akan menyebabkan prestasi akademik pelajar itu merosot malahan dikhuatiri pelajar akan terjebak dalam salah laku yang lebih serius seperti merokok, membuli, mencuri dan sebagainya sehingga kadangkala akan mengakibatkan

kecederaan kepada pelajar lain. Ini secara tidak langsung telah menjejaskan imej dan kredibiliti sekolah sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Hal ini seterusnya akan menyebabkan prestasi akademik pelajar itu merosot malahan dikhuatiri pelajar akan terjebak dalam salah laku yang lebih serius seperti merokok, membuli, mencuri dan sebagainya sehingga kadangkala akan mengakibatkan kecederaan kepada pelajar lain. Ini secara tidak langsung telah menjejaskan imej dan kredibiliti sekolah sebagai pusat kecemerlangan pendidikan (Kamaliah Nor, 2007).

Dalam kajian yang dijalankan oleh Letchumy (2005), ponteng akan mendorong kepada pembentukan peribadi pelajar yang suka menipu, berpeleleran, penglibatan dalam pergaulan bebas dan sebagainya. Keadaan ini akan membawa kepada kemerosotan disiplin pelajar dan juga pelajaran mereka. Hal ini disokong dengan pandangan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mustafa Abdullah, masalah ponteng jika tidak dibendung boleh mendorong pelajar terjebak ke kancang jenayah lebih serius.

Selain itu, Tan Soo Hooi (2002), menyatakan pelajar yang ponteng sering menghadapi masalah konflik sendiri di mana mereka kurang jelas dengan peranan diri sendiri sebagai seorang pelajar terutama yang mempunyai masalah pelajaran dan peribadi. Terdapat pelajar yang sukar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran di sekolah. Hal ini akan menyebabkan mereka akan lari dan keluar dari sekolah dan akan bergiat di dalam aktiviti-aktiviti gejala sosial.

Dalam pada itu, kajian Hamdan Bin Mis (1999) mendapati ponteng akan mempengaruhi sikap dan perlakuan pelajar terhadap sekolah serta mendorong kepada ketidakstabilan emosi mereka. Justeru, ia akan mempengaruhi pelajar untuk terlibat di dalam masalah – masalah disiplin yang lain juga di mana akhirnya boleh meruntuhkan keagungan sistem pendidikan negara kerana tidak dapat melahirkan generasi yang berkualiti secara berterusan. Sungguhpun pelbagai langkah telah diambil, tetapi masalah ini masih berterusan dan semakin bertambah.

1.3 Pernyataan Masalah

Pelbagai langkah secara berterusan telah diambil oleh pihak sekolah berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan. 6/1995: "Menangani Ponteng Sekolah" yang bertarikh 5 September 1995 dikeluarkan oleh kementerian pendidikan. Antara tindakan yang telah diambil oleh pihak sekolah ialah menyediakan manual prosedur ponteng sifar, makluman melalui surat amaran, perhimpunan ringkas harian, sesi kaunseling dan perjumpaan dengan ibubapa atau penjaga murid.

Kebanyakan langkah- langkah yang diambil bertujuan untuk memudahkan pihak sekolah mengambil tindakan ke atas pelajar yang ponteng sekolah. Namun begitu, pelajar yang mempunyai rekod ponteng masih lagi berada di tahap membimbangkan terutama bagi pelajar – pelajar yang akan menduduki peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Mengapakah hal ini boleh terjadi? Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kepada masalah ponteng dalam kalangan pelajar? Adakah ianya berpunca dari sikap murid, suasana sekolah, guru, rakan sebaya atau keluarga.

Daripada rekod kehadiran pelajar menunjukkan pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang rendah merupakan pelajar yang mempunyai jumlah hari ponteng sekolah yang tinggi. Ini secara tidak langsung menyukarkan guru-guru, dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan proses membimbing kelemahan pelajar. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan, sudah pastilah prestasi akademik pelajar akan merosot dan mempengaruhi peratusan di dalam pencapaian akademik pelajar dan kesannya yang ketara dapat dilihat melalui pencapaian peperiksaan awam mereka.

Lantaran itu kajian ini dijalankan untuk mencari apakah punca-punca sebenar yang menyebabkan berlakunya gejala ponteng ini dalam kalangan pelajar. Apakah faktor yang paling dominan dan seterusnya apakah hipotesis yang dibuat bertepatan dengan isu kajian ini.

1.4 Objektif Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji mengenalpasti beberapa objektif yang perlu dicapai iaitu :

- 1.4.1 Menenalpasti faktor - faktor yang menyumbang kepada gejala ponteng di kalangan pelajar di SK Kesang Tua.
- 1.4.2 Menenalpasti faktor yang paling dominan dalam menyumbang gejala ponteng di kalangan pelajar Sekolah Kebangsaan Kesang Tua.
- 1.4.3 Menenalpasti perbezaan antara faktor-faktor ponteng dengan jantina dan pekerjaan ibubapa.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah kajian, pengkaji ingin mengetahui data-data seperti berikut :

- 1.5.1 Apakah faktor – faktor yang menyumbang kepada gejala ponteng di kalangan pelajar – pelajar di SK Kesang Tua ?
- 1.5.2 Apakah faktor yang paling dominan yang dilakukan oleh pelajar di SK Kesang Tua?
- 1.5.3 Apakah terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor ponteng dengan aspek jantina dan pekerjaan ibubapa.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian masalah ponteng pelajar perlu juga diberi perhatian kerana kajian ini berkaitan dengan objektif pendidikan yang ingin menghasilkan modal insan bagi generasi akan datang serta tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melihat pelajar yang dilahirkan oleh sistem pendidikan adalah seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Dari segi amalan, maklumat yang diperolehi akan membantu pendidik memahami seseorang pelajar secara menyeluruh. Perbezaan dan

persamaan yang wujud antara pelajar juga akan memberi maklumat tambahan kepada pendidik terutama dalam aspek menangani masalah atau dilema diri pelajar. Ini sekurang-kurangnya membantu pendidik mengenal pasti latar belakang pelajar terlebih dahulu, sebelum memikirkan kaedah serta strategi yang lebih berkesan untuk melahirkan pelajar yang seimbang terutama yang melibatkan pelajar yang akan menduduki peperiksaan awam seperti UPSR.

1.6.1 Unit Bimbingan dan Kaunseling SK Kesang Tua

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, Guru Kaunseling berupaya mengenal pasti punca-punca gejala ponteng yang berlaku seterusnya merangka perancangan program dan aktiviti dalam mengurangkan kes-kes ponteng.

1.6.2 Sekolah Kebangsaan Kesang Tua

Kajian ini adalah untuk mencari faktor utama yang menjadi punca kepada berlakunya gejala ponteng ini memandangkan gejala ini dikatakan bersifat sejagat. Bagi memperluaskan dapatan kajian, peserta yang berbeza latar belakang akan diambil, yang terdiri daripada pelajar Tahun 3,4 dan 5 2012 sebagai peserta kajian. Kepentingan kajian juga dilihat kepada aspek pertambahan kes-kes salah laku yang berpunca dari masalah ponteng. Melalui dapatan kajian ini juga, akan membantu terutamanya pihak sekolah memahami punca penglibatan seseorang pelajar dalam masalah salah laku yang bermula dari gejala ponteng.

1.6.3 Pejabat Pelajaran Daerah

Bagi Pejabat Pelajaran Daerah Jasin pula dapatan kajian ini mungkin boleh digunapakai di sekolah – sekolah rendah yang dikenal pasti mempunyai kes-kes ponteng yang tinggi.

1.6.4 Jabatan Pelajaran Negeri

Hasil kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri untuk menyusun program-program dalam menangani gejala ponteng ini. Beberapa orang murid di sekolah- sekolah ponteng tegar di setiap daerah boleh digabungkan untuk menjalani program pemulihan berdasarkan jantina, tempat tinggal dan sosio ekonomi.

1.6.5 Kementerian Pelajaran Malaysia

Kajian ini diharap dapat memberi maklum balas dan maklumat tambahan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia tentang kekuatan untuk membangunkan modal insan yang menjadi teras kedua dalam dasar Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006- 2010. Kini ianya termasuk pula dalam Bidang Keberhasilan Negara(NKRA).

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Skop dan batasan kajian ini memfokuskan pelajar yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kesang Tua di daerah Jasin yang dikenal pasti kerap menghadapi masalah pelajar ponteng. Senarai nama pelajar telah diperoleh daripada rekod kehadiran dan rekod disiplin sekolah. Ini bermakna pelajar salah laku telah dikenal pasti pernah terlibat dengan kes ponteng. Setiap pelajar dinasihatkan mengisi borang soal selidik secara jujur agar maklumat yang akan didapati mempunyai kesahan yang tinggi.

Jumlah peserta kajian seramai 30 orang dari kalangan murid-murid Tahun 4,5,dan 6 2013 SK Kesang Tua. Jumlah ini di harap dapat memenuhi dan menjawab tujuan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian.

1.8 Definisi Konsep dan Operational

Dalam memberi kefahaman terhadap kajian ini, maka di bawah ini adalah beberapa definisi konsep atau penakrifan istilah yang digunakan oleh penyelidik bagi menjelaskan sesuatu perkara agar selari dengan maksud yang hendak disampaikan dalam kajian ini. Antaranya ialah :-

1.8.1 Ponteng

Ponteng didefinisikan sebagai lari daripada tanggungjawab atau tugas tanpa kebenaran (Kamus Dewan, 2005: 979). Secara umum ponteng sekolah ialah tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah dan di luar pengetahuan ibu bapa atau penjaga. Dalam kajian ini ponteng diertikan sebagai tidak hadir ke sekolah tanpa surat atau dokumen sokongan rasmi melebihi 25 hari semenjak awal Januari 2012 sehingga November 2012.

1.9 Rumusan

Keberkesanan sesebuah sekolah banyak bergantung kepada tahap disiplin pelajarannya. Ini bermakna disiplin pelajar akan mempengaruhi pencapaian dan juga imej sesebuah sekolah itu. Salah satu masalah disiplin yang bersifat sejagat ialah masalah ponteng sekolah dan kelas. Lantaran itu diharap kajian ini dapat membantu pihak terlibat untuk melakukan penambahbaikan dalam menangani isu tersebut pada masa akan datang.

juga perbezaan yang signifikan antara jantina dan faktor suasana sekolah dalam kalangan responden. Semoga kajian ini menjadi perangsang kepada pihak lain untuk meneruskan kajian berkaitan faktor suasana sekolah dan guru. Beberapa penemuan dalam kajian ini diharapkan menjadi perintis dan obor kepada penyelidik lain untuk melaksanakan kajian lanjutan dengan lebih mendalam dan sempurna lagi pada masa akan datang. Wallahu wa'lam. Allahu Akbar.

RUJUKAN

Abd. Karim Desa (1994). *Keberkesanan Guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu*

Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Tesis B.Ed. Universiti Teknologi Malaysia. (latihan ilmiah yang tidak diterbitkan).

Abd. Rahim Abd. Rashid (2001). *Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan*. Kuala

Lumpur. Utusan Publications and Distributors.

Abdullah Sani Yahaya (2004). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Pahang Darul Makmur.

PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd

Abdullah Sani Yahya (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Penang. PTS Professional

Publishing Sdn. Bhd.

Ang Jit Eng (2007). *Pengurusan Disiplin Murid*. Kuala Lumpur. PTS Profesional

Publishing Sdn. Bhd.

Alawiah, S.A. (1987). *Falsafah Pendidikan*. (Cetakan Ketiga). Kuala Lumpur:

Heinemann Asia.

Azizah Lebai Nordin (2002), *Masalah Disiplin di Kalangan Remaja*. (Tesis Ph. D,

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusuf Boon, How Lee Chan. *Faktor –Faktor yang Mempengarui Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Johor.*

Fakulti Pendidikan. UTM. Diakses pada 20 September 2012 dariapada http://eprints.utm.my/3961/2/AziziYahaya_ponteng.pdf .

Babbie, E.(2008). *Basics of Social Research*. Fourth Edition. Thomson Wardsworth : Chapman University.

Baharom Mohamad dan Muhamad Johdi Salleh (2009). *Kepimpinan Pendidikan Dalam Pembangunan Modal Insan*. Prosiding Seminar “ Pembangunan Modal Insan 2009. Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Kota Bahru, Kelantan.

Bandura, A. & Mischel, W.(1986). *Social Foundation Of Thought And Action: A Social and Cognitive Theory*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.

Bandura, A. (1973) *Aggression: A Social Learning Analysis*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.

Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.

Boyd, V., Hattauet, E., Brandel, I. W., Buckles, N., Davidshofer, C., Deakin, S., Erskine, C., Hurley, G., Locher, L., Piorkowski, G., Simono, R. B., Spivack, J., & Steel, C. M. (2003). *Journal of Counseling and Development* 81(2): 168-178. USA. Pusat Kaunseling Universiti dan Kolej.

Burns, R.B.(2000). *Introduction to Research Method*. Fourth Edition. Frenchs Forest ; Pearson Education Australia Pty. Limited.

Foziah Binti Ab.Rahman (1999). *Masalah Ponteng Sekolah Mempengaruhi Keruntuhan Akhlak Pelajar: Satu Kajian Di Sekolah Men. Keb. Kuala Tembeling, Jerantut, Pahang*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Gee Wai Cheak, *Gejala Ponteng Sekolah*.Diakses pada 20 September 2012 daripada <http://www.angelfire.com/pq/smkti/ponteng.html>

Gejala ponteng sekolah. (2005,Oktober 17). *Utusan Malaysia*, 1& 8.

Goleman, Daniel (1996).*Emotional Intelligence*. London. Bloomsbury Publishing Plc.

Hussein Hj Ahmad (1993). *Pendidikan dan Masyarakat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Haji Din (1990). *Cita – Cita Mengejar Dan Merealisasikannya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Jabatan Bahasa Melayu (2008). *Wacana Akademik Bahasa Melayu*. Tanjung Malim.

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Jawatankuasa Khas Kementerian Pelajaran Malaysia (1982). *Panduan Bagi Ibubapa*

Mengenai Disiplin Pelajar-pelajar Sekolah. Kuala Lumpur.

Kamus Dewan (2005). Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamaliah Nor (2007). *Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kepada Gejala Ponteng Di*

Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tasik Utara 2. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Kerlinger, F.N.(1973). *Foundation of Behavioral Research*. New York : Holt,

Rinehart & Winston.

Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W.(1970). *Determing Sampel Size For Reseacrh*

Activities. Education and Psychological Measurement, 30, 607-610.

Masalah Pelajar Ponteng. (2004, April 22). *Berita Harian*, 1 & 8.

Masalah Pelajar Ponteng. (2006, Julai 30). *Harian Metro*, 1 & 4.

Manja Mohd. Ludin (1990). Psikologi dan Falsafah Dalam Pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Matsumoto, S.et.al. (1982). An Epidemiological Study of Students Who Refuse to Attend School. *Kyushu Neuropsychiatry*, vol.28, no.2, 132-140.

Mazlan Samsudin dan Ahmad Rafee Che Kasim :*Lampiran Bagi Kompenen Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Genting Hingland. Institut Aminudin Baki.

McBurney, D.H. dan White, T.H. (2007). *Research Method*. Seventh Edition. Thomson Wardsworth: Chapman University.

Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (2001). *Pengurusan Perkhidmatan Personalia Murid*. Selangor. Cerdik Publications Sdn. Bhd.

Mohamad Najib Abd Gaffar(1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia

Mohd Ismail Othman (2006).*Menangani Disiplin di Sekolah*. Kuala Lumpur. Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Mohd Salleh dan Zaidatun(2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 16.0 For Windows*. Kuala Lumpur. Venton Publishing.

O'hagen, F.G. (1976). Attitude of Offenders and Non -offenders Towards School. Educational Research. Vol.19.No.2.142-162.

Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Oya Yerin Guneri (2006). *International Journal of Mental Health* 35(1): 26-38. Perkhidmatan Kaunseling Universiti Turki

Ratna Syifa'a Rachmahana (2008). *Psikologi Humanistik dan Aplikasinya dalam Pendidikan*. Diperoleh pada 22 September 2012 daripada <http://journal.uui.ac.id/index.php/JPI/article/viewFile/191/180>

Rohaty Mohd Majzub, T. Subhan Mohd Meerah, Faridah Karim, Ahmad Jeffni Hassan (1991). *Disiplin Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur. Nurin Enterprise.

Rowantree, D.(1981). *Statistic Without Tears : A Primer for Non-Mathematicians*. Penguin.

Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan (2004). *Psikologi Pendidikan*. Pahang . PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sidek Mohd Noah(2002). *Reka Bentuk Penyelidikan : Falsafah, Teori dan Praktis*.
Universiti Putra Malaysia

Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan dan Abdul Aziz Abdul Shukor (2008). *Siri Pendidikan Guru : Psikologi Pendidikan*. Selangor. Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6/1995. *Menangani Masalah Ponteng di Sekolah*.
Kementerian Pelajaran Malaysia.

Tan Chiew Ling (2004). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kehadiran Pelajar Ke Sekolah di 4 Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Johor*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Tuckman, B.W.(1978). *Conduction Education Research*. New York : Harcourt
Brace Jovanovich Inc.

Wolf, R.M. (1988). Questionnaires. In Keeves, J.P. (Eds.) *Educational Research, Methodology and Measurement: An International Handbook*.
Oxford: Pergamon Press, 478–482.

Zainuddin Abu, Zuria Mahmud dan Salleh Amat (2008). *Pendekatan Kaunseling*

Menangani Masalah Kebebasan Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi : Dua Kajian Kes. pp107-123. Jurnal Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.